

## **TEKS UCAPAN**



**MAJLIS KONVOKESYEN KE-20 UTeM**

**9 NOVEMBER 2024 (SABTU)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.

KEPADA YANG BERBAHAGIA TAN SRI ABDUL RASHID BIN HUSSAIN, PRO CANSELOR UTEM, SAYA UCAPKAN TAHNIAH DI ATAS LANTIKAN YANG BERBAHAGIA TAN SRI SEBAGAI PRO-CANSELOR UTEM YANG BAHRU.

**YANG BERHORMAT DATUK RAHMAD BIN MARIMAN**  
EXCO PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI DAN HAL EHWAL AGAMA  
MEWAKILI YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI MELAKA;

**YANG BERBAHAGIA DATO' DOKTOR HUSAINI BIN OMAR**  
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UTEM;

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK TEKNOLOGIS DOKTOR**  
**MASSILA BINTI KAMALRUDIN**

NAIB CANSELOR UTEM; **TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**NAIB-NAIB CANSELOR DAN WAKIL-WAKIL UNIVERSITI**  
**TEMPATAN;**

**AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UTEM;**

**DIF-DIF KEHORMAT;**

**WAKIL-WAKIL UNIVERSITI LAIN, WAKIL-WAKIL INDUSTRI;**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI, AHLI SENAT;**

**AHLI AKADEMIK, PEGAWAI DAN STAF UTEM;**

**IBU BAPA DAN AHLI KELUARGA GRADUAN;**

**PARA GRADUAN YANG DIRAIKAN;**

**OUR INTERNATIONAL POSTGRADUATE RECIPIENTS FOR  
MASTERS AND PHD FROM ABROAD;**

**PARA PENERIMA ANUGERAH;**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.**

اویونسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

1. ALHAMDULILLAH, SEGALA PUJI BAGI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA, ATAS LIMPAH KURNIA DAN RAHMAT-NYA, KITA BERPELUANG BERSAMA-SAMA BERADA DI MAJLIS KONVOKESYEN KEDUA PULUH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM). SELAWAT DAN SALAM KEPADA JUNJUNGAN NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM. RASUL DAN NABI TERAKHIR YANG MEMBAWA RAHMAT KEPADA SEKALIAN ALAM.

2. SALAM HORMAT, SELAMAT DATANG KE UTEM DAN SELAMAT DATANG KE NEGERI MELAKA YANG BERSEJARAH KEPADA SELURUH PARA HADIRIN YANG DIKASIHI. BAK KATA ORANG MELAKA:

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
**KAPAL DAGANG DARI SEBERANG,**  
**SARAT MUATAN KAYU MERANTI;**  
**DARI JAUH TUAN PUAN DATANG,**  
**ORANG MELAKA SEDIA MENANTI.**

3. SEMOGA DETIK-DETIK PENUH KEGEMBIRAAN YANG TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN ALAMI HARI INI TERUKIR INDAH DALAM LIPATAN MEMORI DAN TERPAHAT KENANGAN SELAMANYA DI SANUBARI.

4. KEPADA IBU BAPA DAN PENJAGA YANG DATANG DARI SEGENAP PELOSOK ALAM, SAYA TURUT MERASAI GETARAN KEGEMBIRAAN YANG BERGEMA DI RELUNG JIWA ANDA HARI INI. MENYAKSIKAN ANAK-ANAK KITA BERDIRI MEGAH DI PENTAS KEJAYAANINI MENERIMA SEGULUNG IJAZAH YANG DIIDAMKAN, ADALAH HADIAH TERINDAH BUAT ANDA YANG SENTIASA MENYOKONG KEJAYAAN MEREKA. TAHNIAH KEPADA IBU BAPA, PENJAGA, AHLI KELUARGA, SANAK SAUDARA KERANA HARI INI, ANAK ANDA MENJADI GRADUAN UTEM TERBILANG.

5. KEPADA PARA GRADUAN YANG DIKASIHI, TAHNIAH DAN SYABAS SAYA UCAPKAN ATAS PENCAPAIAN GEMILANG ANDA. PERJALANAN MENUNTUT ILMU YANG PANJANG DAN PENUH CABARAN KINI TERBAYAR APABILA ANDA MENGGENGHAM SEGULUNG IJAZAH PADA HARI INI.

#### UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

6. NAMUN, INGATLAH ANUGERAH IJAZAHINI BUKANLAH NOKTAH, TETAPI TANDA MULANYA SEBUAH PENGEMBARAAN BAHARU YANG LEBIH BERMAKNA. SEMOGA ANUGERAH IJAZAHINI MENJADI PELITA YANG MENERANGI LALUAN ANDA DALAM MENUJU MASA DEPAN PENUH HARAPAN. BAWALAH CAHAYA ILMU YANG TELAH KALIAN PEROLEH DAN CURAHKANLAHKEMBALI MANFAAT TERSEBUT KEPADA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA YANG KITA CINTAI.

7. KEPADA SEMUA AHLI SENAT, DEKAN-DEKAN, PENSYARAH, PENTADBIR, STAF PELAKSANA, DAN SEMUA PIHAK DI UNIVERSITI, SEKALUNG TAHNIAH SAYA TUJUKAN KEPADA ANDA SEMUA YANG TELAH BERJAYA MELAHIRKAN PARA GRADUAN HARI INI. USAHA ANDA SEKIAN LAMA MELAHIRKAN ANAK BANGSA BERILMU AMAT DIHARGAI DAN JASAMU TIDAK TERBALAS. SEMOGA ALLAH SWT MENGURNIAKAN GANJARAN YANG SEMPURNA DAN SETIMPAL KEPADA ANDA SEMUA.

**PARA HADIRIN SEKALIAN,**

8. DISINI SAYA MENGAMBIL PELUANG UNTUK MENYATAKAN BETAPA GEMBIRANYA SAYA MELIHAT KEJAYAAN ANDA SEMUA PADA HARI INI. SAYA DIMAKLUMKAN SERAMAI **3,459** GRADUAN TELAH BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN DALAM PELBAGAI DISIPLIN ILMU PADA MAJLIS KONVOKESYEN KEDUA PULUH PADA HARI INI. **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

9. SAYA DIMAKLUMKAN JUGA BAHAWA SEJAK PENUBUHANNYA PADA 1 DISEMBER 2000, UTEM TELAH BERJAYA MELAHIRKAN SERAMAI **45,192** ALUMNI. ANGKA INI BUKAN SEKADAR STATISTIK; SEMENTELAH IA MENCERMINKAN SEBUAH PERJALANAN PANJANG PENUH DEDIKASI DAN ASPIRASI UNTUK MEMASTIKAN ANAK-ANAK DI NEGERI BERTUAHINI MENDAPAT PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA. SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA WARGA UTEM.

**HADIRIN SEKALIAN,**

10. SEWAJARNYA KITA BUKAN SAHAJA MELIHAT PADA BILANGAN GRADUAN TETAPI KUALITINYA. PARA GRADUAN SEKALIAN, ADA PEPATAH YANG MENYEBUT, "BANGSA YANG BESAR ADALAH BANGSA YANG MENGHARGAI SEJARAHNYA." DALAM KONTEKS INI, KITA WAJAR MELIHAT MELAKA SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG PENUH DENGAN SEJARAH KEGEMILANGAN. BERPAKSIKAN SEMANGAT KEGEMILANGAN MELAKA INILAH MAKA KITA MAHUKAN IANYA MENJADI ASAS KEPADA KEJAYAAN UTEM.

11. BAK SEMANGAT HANG TUAH YANG TIDAK PERNAH MENGENAL ERTI PUTUS ASA DAN BIJAK DALAM PERJUANGAN, BEGITULAH JUGA, KITA INGIN MELIHAT SEMANGAT "PERJUANGAN" DALAM DIRI SETIAP SANUBARI GRADUAN UTEM. SEPERTI SLOGAN BAHRU NEGERI MELAKA, '**BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT**'.

12. SAYA TURUT DIFAHAMKAN SEJAK TAHUN SATU LAGI, SEMUA MAHASISWA UTEM TELAH DITERAPKAN DENGAN SEMANGAT **TUAH** IAITU "TANGKAS", "UNGGUL", "ADAPTIF" DAN "HOLISTIK". MANAKALA BAGI MAHASISWI PULA, DENGAN SEMANGAT **TEJA** IAITU "TANGKAS", "ELEGAN", "JAGAT" DAN "ADAPTIF".

13. SEMUA MAHASISWA DAN MAHASISWI TANPA MENGIRA KAUM DAN AGAMA DITERAPKAN DENGAN SEMANGATINI DAN DINILAI MELALUI INDEKS **TUAH** DAN **TEJA**. SAYA BERHARAP SEMANGATINI TIDAK AKAN LUNTUR MALAH TERUS DIPEGANG OLEH SETIAP GRADUAN UTEM WALAUPUN TIDAK LAGI BERADA DI MELAKA.

14. INGATLAH, KEJAYAAN PADA MASA HADAPAN BUKAN HANYA BERGANTUNG KEPADA INOVASI DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI SEMATA-MATA, TETAPI JUGA KEPADA PEMAHAMAN DAN PENGHARGAAN TERHADAP SEJARAH SERTA WARISAN BUDAYA KITA.

15. SEPERTIMANA UTEM YANG TELAH BERKEMBANG MENJADI NADI INTELEKTUAL NEGERI MELAKA, KEJAYAANINI SEBENARNYA BERAKAR UMBI DARI SEMANGAT KEGEMILANGAN MASA LALU. SEJARAH BUKAN SEKADAR KENANGAN, IA ADALAH TIANG SERI YANG MENGUKUHKAN LANGKAH KITA MENUJU MASA DEPAN YANG LEBIH CEMERLANG.

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PARA GRADUAN SEKALIAN,**

16. PASARAN KERJA BUKAN SAHAJA TERHAD DI MALAYSIA TETAPI LEBIH BANYAK DI PERINGKAT GLOBAL. IJAZAH ANDA SEMUA SUDAH DIIKTIRAF DI PERINGKAT ANTARABANGSA MELALUI AKREDITASI BERSAMA. MALAH GRADUAN KINI UTEM JUGA DATANGNYA DARI PELBAGAI NEGARA. OLEH ITU, JANGAN MELIHAT PELUANG KERJAYA HANYA DI MALAYSIA SAHAJA, TETAPI TEROKAI JUGA KERJAYA DI PERINGKAT GLOBAL. ANDA SEMUA HARUS BERANI MENEROKA PASARAN KERJA DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

17. JUSTERU, APABILA BERADA DI PERINGKAT GLOBAL, ANDA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB SEBAGAI SEORANG GRADUAN UTEM, MAKA DI SINILAH PERANAN ANDA DALAM MENGGUNAKAN ILMU DAN KEPAKARAN YANG TELAH DIPEROLEH, BUKAN SAHAJA DALAM SEKTOR PEKERJAAN TETAPI UNTUK MENGHADAPI DAN MENYELESAIKAN CABARAN GLOBAL DENGAN INOVASI YANG BERMAKNA.

18. GRADUAN UTEM PERLU MELIHAT DIRI MEREKA SEBAGAI AGEN PERUBAHAN YANG MAMPU MEMBERIKAN PENYELESAIAN KEPADA MASALAH-MASALAH BESAR DUNIA. SEYOGIA, JADIKAN DIRI ANDA SEBAGAI PELOPOR KEPADA PERUBAHAN TERSEBUT.

19. AMBILLAH INSPIRASI DARIPADA LAKSAMANA HANG TUAH. MENGIKUT HIKAYAT HANG TUAH, HANG TUAH BOLEH BERTUTUR DALAM 12 BAHASA TERMASUK BAHASA JAWA, SIAM, CINA, INDIA, ARAB DAN RUM. MALAHAN HANG TUAH JUGA MERUPAKAN SEORANG DIPLOMAT KESULTANAN MELAYU MELAKA YANG PERNAH DIUTUS KE INDIA, CHINA, JAWA DAN OKINAWA, JEPUN.

#### **ANAK-ANAK GRADUAN SEKALIAN,**

20. SETELAH BERJAYA BERGELAR GRADUAN, INGATLAH BAHAWA SELAIN KEPAKARAN TEKNIKAL, INTEGRITI ADALAH ASAS KEPADA SETIAP TINDAKAN. AMANAH YANG DIPIKUL HARUS DIJAGA DENGAN PENUH KEJUJURAN DAN BERTANGGUNGJAWAB. SEPERTI FIRMAN ALLAH SWT DALAM SURAH AN-NISA', AYAT 58 YANG BERMAKSUD :

**"SESUNGGUHNYA ALLAH MENYURUH KAMU MENYAMPAIKAN AMANAT KEPADA YANG BERHAK MENERIMANYA, DAN APABILA KAMU MENETAPKAN HUKUM DI ANTARA MANUSIA, HENDAKLAH KAMU MENETAPKANNYA DENGAN ADIL."**

21. JELAS ALLAH SWT MENGINGATKAN KITA TENTANG PERI PENTINGNYA KEJUJURAN DALAM MENJALANKAN TUGAS DAN MENGHORMATI SESAMA MANUSIA. NILAI-NILAI MURNI SEPERTI KEIKHLASAN, ADAB, DAN EMPATI ADALAH PEDOMAN YANG MEMANDU SETIAP LANGKAH KITA DALAM KEHIDUPANINI.

22. DI ALAM PEKERJAAN KELAK, BUKAN SAHAJA ILMU YANG MENJADI UKURAN, TETAPI JUGA KEBOLEHAN BERKOMUNIKASI, AKHLAK YANG BAIK SERTA SIKAP HORMAT DAN TOLERANSI TERHADAP RAKAN SEKERJA. SEBAGAI PEMIMPIN MASA DEPAN, BERPEGANG TEGUHLAH KEPADA NILAI MORAL DAN JADILAH SEORANG INSAN YANG ADIL, BERINTEGRITI SERTA SENTIASA MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN ORANG LAIN. SESUNGGUHNYA, PEMIMPIN YANG HEBAT BUKAN HANYA DINILAI DARI KEPINTARAN, TETAPI DARI KEIKHLASAN HATINYA.

23. DALAM MENELUSURI DUNIA PEKERJAAN HARI INI, RASUAH TELAH MENJADI SUATU GEJALA YANG SERIUS. SEBAGAI GRADUAN UTEM, JAUHILAH RASUAH DAN JALANI KEHIDUPAN BERDASARKAN KEMAMPUAN. SAYANGILAH DIRI ANDA, KELUARGA, NEGERI, NEGARA DAN JUGA AGAMA ANDA. HABUAN RASUAH HANYALAH BERSIFAT SEMENTARA DAN TIDAK SETIMPAL DENGAN HUKUMAN YANG AKAN MENIMPA APABILA TERTANGKAP DAN DISABITKAN KESALAHAN.

24. ANDA AKAN KEHILANGAN SEGALANYA. HARGA DIRI DAN MARUAH AKAN TERCEMAR. BAHKAN ANDA JUGA AKAN MEMBAWA RASA MALU DAN KESUSAHAN KEPADA SELURUH KELUARGA YANG ANDA SAYANGI. TURUT TERPALIT, MEMBAWA KEPADA UTEM INSTITUSI YANG TELAH MENDIDIK ANDA SEHINGGA MENJADI GRADUAN BERJAYA. FIKIR-FIKIRLAH APABILA BERHADAPAN DENGAN RASUAH. PEGANGLAH AMANAH YANG TELAH DIPERTANGGUNGJAWABKAN DENGAN PENUH INTEGRITI.

**PARA GRADUAN YANG SAYA KASIHI,**

25. KITA BERADA DI ERA DIGITAL YANG SANGAT MENCABAR. DI SINILAH PENTINGNYA BAGI PARA GRADUAN KITA BUKAN HANYA SEBAGAI PENGGUNA TEKNOLOGI TETAPI JUGA PEMIMPIN DIGITAL YANG MENCIPTA DAN MENTRANSFORMASIKAN TEKNOLOGI DEMI KESEJAHTERAAN MANUSIA.

26. HARIINI KITA BERBANGGA APABILA RAMAI ALUMNI UTEM SUDAH MULA MENERAJUI SEKTORDIGITAL, MEMIMPIN PELBAGAI INOVASI DI PERINGKAT GLOBAL DAN MEMBUKTIKAN BAHAWA UTEM BERJAYA MELAHIRKAN PEMIMPIN DIGITAL YANG BERWAWASAN.

27. SELARI DENGAN INISIATIF A.I. UNTUK RAKYAT" YANG DICADANGKAN OLEH YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI ANWAR IBRAHIM, PERDANA MENTERI MALAYSIA KESEPULUH ATAU PMX, PERANAN KECERDASAN BUATAN ATAU A.I. DALAM KEHIDUPAN RAKYAT SEMAKIN MELUAS.

28. MENURUT LAPORAN DECODING GLOBAL TALENT 2024 YANG DITERBITKAN OLEH JOBSTREET MENDAPATI, 60 PERATUS RAKYAT MALAYSIA KINI MENGGABUNGKAN AI KE DALAM PELBAGAI AKTIVITI SEHARIAN YANG MENUNJUKKAN KESEDARAN AI DALAM KALANGAN RAKYAT KIAN MENINGKAT. OLEH ITU, SAYA INGIN MELIHAT UTEM TERUS MENONJOL SEBAGAI PENGGERAK UTAMA DALAM PEMBANGUNAN AI DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI MALAYSIA.

29. SAYA INGIN MELIHAT GRADUAN KITA BUKAN SAHAJA CELIK TEKNOLOGI TETAPI JUGA BIJAK MENGGUNAKAN A.I. UNTUK MANFAAT SOSIAL DAN EKONOMI. DALAM HAL INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN **TAHNIAH** KEPADA PROFESOR DATUK TEKNOLOGIS DOKTOR MASSILA KAMALRUDIN, NAIB CANSELOR UTEM KERANA DALAM TEMPOH **MASA YANG SINGKAT TELAH BERJAYA MENDAPAT KELULUSAN UNTUK PENUBUHAN SEBUAH “FAKULTI KECERDASAN BUATAN DAN KESELAMATAN SIBER” YANG BAHARU ATAU “F.A.I.X”.** TAHNIAH DAN SYABAS.

**HADIRIN YANG SAYA HORMATI,**

30. SAYA MELIHAT UTEM TELAH MELAHIRKAN RAMAI GRADUAN DALAM PELBAGAI BIDANG SEPERTI KEJURUTERAAN, TEKNOLOGI DAN PEMBUATAN SABAN TAHUN. KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN UTEM JUGA ADALAH ANTARA YANG TERTINGGI DI MALAYSIA. TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA UTEM ATAS PENCAPAIAN TERBAIK INI.

31. SELEPAS TAMATNYA PENGAJIAN, GRADUAN UTEM AKAN BEKERJA DI DALAM PELBAGAI SEKTOR INDUSTRI. IRONINYA, SELEPAS BERTAHUN-TAHUN BEKERJA MEREKA MASIH LAGI BERGELAR SEBAGAI ‘PEKERJA’. SEHARUSNYA, SELEPAS MENIMBA PELBAGAI PENGALAMAN KERJA, SUDAH SAMPAI MASANYA BAGI MEREKA PULA UNTUK MENCIPTA PELUANG PEKERJAAN DENGAN MENUBUHKAN PERUSAHAAN ATAU PERINDUSTRIAN MEREKA SENDIRI.

32. NEGARA KITA SUDAH KETINGGALAN JAUH BERBANDING DENGAN NEGARA JIRAN DALAM BIDANG PERINDUSTRIAN. WALAUPUN KITA SUDAH ADA PELAN PERINDUSTRIAN BAHRU YANG AKAN MERANCAKKAN LAGI PENYERTAAN KITA DALAM REVOLUSI INDUSTRI 4.0, UTEM TURUT PERLU MERANGKA SENDIRI PELAN PERINDUSTRIANNYA.

33. SAYA INGIN MEMBERIKAN CABARAN KEPADA UTEM SUPAYA MERAMAIKAN LAGI TEKNOKRAT DAN USAHAWAN TEKNIKAL. BERDASARKAN STATISTIK BILANGAN GRADUAN FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWAN ATAU F.P.T.T. DAN INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN ATAU IPTK, SEMEMANGNYA UTEM BANYAK MELAHIRKAN GRADUAN YANG MEMPUNYAI KEPAKARAN PENGURUSAN, PERNIAGAAN, TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN. SELAIN ITU, TENAGA PENGAJAR UTEM DAN JUGA GRADUAN UTEM PERLU JUGA MAHIR DALAM SEKTOR *Maintenance Repair And Overhaul (M.R.O.)* MENGIKUT BIDANG MASING-MASING.

34. OLEH ITU, KEDUA-DUA INSTITUSI UTEMINI, WAJAR DIBERIKAN TANGGUNGJAWAB UNTUK MELAHIRKAN JUGA USAHAWAN YANG AKAN MEMBUKA PERUSAHAAN ATAU PERINDUSTRIAN PEMBUATAN MEREKA SENDIRI.INI BOLEH DILAKUKAN MELALUI PENGANJURAN PELBAGAI PROGRAM, KURSUS DAN AKTIVITI YANG DAPAT MEMBANTU DAN MENDORONG GRADUAN YANG SUDAH BEKERJA MENJADI USAHAWAN YANG BERJAYA.

35. DALAM HALINI, SAYA INGIN MENGGALAKKAN PARA GRADUAN UNTUK MENEROKA PELUANG DALAM BIDANG “TEKNO KEUSAHAWANAN” ATAU “TEKNO-PRENEURSHIP” UNTUK MENJADI “TECHNO-PRENEUR” ATAU “USAHAWAN TEKNOLOGI”. ANDA JUGA WAJAR MENCEBURI BIDANG “KEUSAHAWANAN TEKNIKAL” ATAU “TECHNIC-PRENEURSHIP” UNTUK MENJADI “TECHNIC-PRENEUR” ATAU “USAHAWAN TEKNIKAL” TERMASUK JUGA DALAM BIDANG “PEMBUATAN DAN PENCIPTAAN” ATAU “CREATION AND MANUFACTURING”.

36.INI ADALAH PELUANG YANG BAIK BAGI ANDA UNTUK MENDAFTAR “SYARIKAT-SYARIKAT PEMULA” ATAU “STARTUP COMPANIES” YANG BOLEH MEMBERI IMPAK GLOBAL. ANDA JUGA BOLEH BEKERJASAMA DENGAN UTEM DAN SYARIKAT-SYARIKAT DI NEGERI MELAKA UNTUK MELAHIRKAN “SYARIKAT-SYARIKAT SAMPINGAN” ATAU “SPIN-OFF COMPANIES” DENGAN CARA KERJASAMA PINTAR.

37. MENGIKUT DATA TERKINI DARI STARTUP GENOME, TERDAPAT PENINGKATAN SEBANYAK 20% DALAM PENYERTAAN GRADUAN DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN TEKNOLOGI SETIAP TAHUN, DAN UNJURAN MASA HADAPAN MENUNJUKKAN BAHAWA ANGKA INI DIJANGKA MENINGKAT KE 30% DALAM LIMA (5) TAHUN MENDATANG.INI MENUNJUKKAN POTENSI BESAR BAGI ANDA SEMUA UNTUK MENJADI PENCIPTA PELUANG DAN BUKAN HANYA SEBAGAI PENCARI PELUANG.

38. SAYA MEMINTA UTEM MELALUI F.P.T.T. DAN I.P.T.K. UNTUK MENGESAN DAN MEMANTAU GRADUAN UTEM YANG CENDERUNG UNTUK MEMBUKA PERNIAGAAN MEREKA SENDIRI. TAMBAHKAN ILMU MEREKA DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN DAN JIKA BOLEH, TAJA MEREKA MELALUI PELBAGAI DANA YANG TERSEDIA SEHINGGA MEREKA BERJAYA MEMBUKA SENDIRI PERUSAHAAN MEREKA YANG AKAN DAPAT MEMBANTU EKONOMI TEMPATAN MAUPUN NASIONAL.


39. ANUGERAH KEUSAHAWANAN YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA GRADUAN PADA HARI INI ADALAH LANGKAH YANG BIJAK UNTUK MENGGALAKKAN PELAJAR DAN GRADUAN MENCEBURI BIDANG PERNIAGAAN TEKNIKAL.TAHNIAH DAN SYABAS UTEM.

**PARA HADIRIN DAN PARA GRADUAN YANG SAYA HORMATI,**

40. SEBELUM MENGAKHIRI KATA-KATA, SAYA INGIN MENINGATKAN PARA GRADUAN AGAR SENTIASA MENGHARGAI JASA IBU BAPA ANDA TERMASUK PENSYARAH, PENTADBIR DAN PIHAK UNIVERSITI. MEREKA INILAH YANG TELAH MEMBENTUK DAN MENGASUH ANDA MENJADI SIAPA DIRI ANDA HARI INI.
41. JANGAN LUPA UNTUK ‘MENGEMBALIKAN BUDI’ KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA. INILAH TANGGUNGJAWAB ANDA SEBAGAI GRADUAN UTEM. INGATLAH BAHAWA ILMU YANG TIDAK DIKONGSI ADALAH SEPERTI PEPOHON TANPA BUAH. BERILAH SEMULA KEPADA MASYARAKAT YANG TELAH MENDIDIK DAN MENYOKONG ANDA SELAMA INI.
42. SAYA JUGA MENGALU-ALUKAN SUMBANGAN ANDA DALAM **YAYASAN CANSELOR UTEM** UNTUK DIMANFAATKAN KEPADA ADIK-ADIK MAHASISWA UTEM YANG MEMERLUKAN. DOA SAYA JUGA, SEMOGA GRADUAN UTEM AKAN TERPANGGIL UNTUK BERTANDANG SEMULA KE NEGERI MELAKA YANG BERTUAH INI.
43. SEBAGAI ALUMNI UNIVERSITI TERCINTAINI, RAJIN-RAJINLAH MENABUR BAKTI KEPADA UNIVERSITI, NEGERI, BANGSA, AGAMA JUGA IBU PERTIWI.

AKHIR KALAM, TERIMALAH DUA RANGKAP PANTUN DARI SAYA :

**KEMILAU WIJAYA TUAH PERKASA,  
KERIS PERWIRA SI TAMING SARI,  
LESTARI BUDAYA ILMUWAN BANGSA,  
GRADUAN BITARA INSAN BESTARI.**



SEKIAN,

اویونسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

WABILLA HITAUFIK      WALHIDAYAH,      WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.